Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda منبر نخهوده

BIL: 19/24 ZULQAEDAH 1435H/19 SEPTEMBER 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

SEGALA AMALAN BERGANTUNG DENGAN NIAT

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيْبُهَا أَوِ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ - مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Sayyidina ‘Umar bin Al-Khatthab Radhiyallahu ‘Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda, “Hanyasanya segala amal bergantung dengan niat-niat, maka bagi setiap seorang itu bagi apa yang diniatkan, maka barangsiapa yang Hijrahnya untuk Allah dan RasulNya, maka Hijrahnya untuk Allah dan RasulNya, dan barangsiapa yang Hijrahnya untuk Dunia yang akan dia perolehi, maka Hijrahnya adalah kerana Dunia tersebut, dan barangsiapa yang Hijrahnya untuk wanita yang akan dikahwininya, maka Hijrahnya adalah kerana apa yang dia berhijrah untuknya.” [Muttafaq ‘Alaih]

KETERANGAN

Kebanyakan Para Muhadditsin telah meletakkan Hadits yang diriwayatkan oleh Sayyidina ‘Umar ini pada permulaan kitab mereka dan Hadits dianggap sebagai tentera yang berada di hadapan dan dikenali juga sebagai Hadits Tawatur Ma’nawi. Hadits ini menerangkan tentang kepentingan niat dalam setiap amalan. Kita perlu melihat apakah niat kita dalam melakukan sesuatu amalan, khasnya amalan ‘Ibadat. Jika kita beramal untuk mencari keredhaan Allah maka kita akan mendapat ganjaran yang besar. Jika niat kita beramal untuk Dunia, maka ia mungkin mendatangkan musibah dan dosa. Imam Syafi’i berkata, “Hadits ini dipanggil Nishful-‘Ilm (separuh ilmu). Hadits ini dianggap merangkumi separuh dari ilmu pengetahuan kerana tanpa niat, segala amalan kita akan menjadi sia-sia dan jika kita tersalah niat dalam beramal, maka natijah dan kesan yang buruk pula akan menimpa kita.

Amal terbahagi kepada dua sudut: 1) Amal Qalbi 2) Amal Jawarih. Amal Qalbi iaitu amalan di dalam hati juga dan disebut sebagai Amal Batin manakala Amal Jawarih adalah amalan yang dilakukan dengan anggota tubuh badan yang dikenali juga sebagai Amal Zahir. Amal juga terbahagi kepada dua bentuk: 1) Amal Ikhtiyari 2) Amal Ghair Ikhtiyari. Atas dasar bahawa amal itu berkisar kepada niat, maka Imam Syafi’i telah meletakkan syarat, “Sah Amal-amal Ikhtiyari itu berdasarkan niat-niat.” Maka setiap Amal Ikhtiyari wajib ada niat.

Imam Abu Hanifah membahagikan Amal kepada dua jenis: 1) Amal Maqshud Biz-Zat 2) Amal Ghair Maqshud Biz-Zat, maka Imam Abu Hanifah telah meletakkan syarat, “Ganjaran bagi Amal-amal Maqshud itu dengan niat-niat.” Sebagai contoh, Shalat adalah daripada jenis Amal Maqshud Biz-Zat manakala Wudhu bukanlah Amal Maqshud Biz-Zat kerana ia diwujudkan untuk mengharuskan amal perbuatan yang lain seperti Shalat, Thawaf, menyentuh Al-Quran dan sebagainya. Amal Iktiyari yang dilazimkan niat yang dimaksudkan di sisi Mazhab Syafi’i ialah Amal Ikhtiyari Ta’abbudi Fi Nafsihi, yakni pada setiap amalan ‘Ibadat Fardhu, Wajib dan Sunnat yang dilakukan hendaklah disertai dengan niat. Dalam melakukan ‘Ibadah, tempat niat ialah di dalam hati dan adalah Sunnat melafazkan niat dengan lisan.

إصطلاحات حديث

ستلد – داري سڬي إيستيله ساند برمقصود رڠكايان فراوي انتوق سامفي كفد متن حديث. فراوي اياله أورڠ-أورڠ يڠ مريواياتكن سبدا نبي ﷺ، برمولا داري زمان صحبة، تبيئين دان ستروسڽ.

متن – داري سڬي إيستيله إيا اداله لفظ-لفظ حديث يڠ ممباوا معنا اتو كلام يڠ برادا دأخير سند.

المسند –كتب يڠ تله تركومڤول ددالمڽ سكلا يڠ دريواياتكن اوله ڤارا صحبة رضى الله عنهم درڤد حديث – حديث رسول اله ﷺ.

المسنيد – اورڠ يڠ مريواياتكن حديث دڠن سندڽ سمات-مات ساما ادا دالم كئدأن مڠتهوءي علمو حديث اتو تيدق.

المحديث – اورڠ يڠ مڠواسائي علمو "رواياه"، "دراياه" دان مندالمي سند-سند دان كچچاتن سسواتو حديث، مڠتاهوئي ڤراوي-ڤراوي حديث سرت بنر-بنر مليبتكن ديري دالم ڤريواياتن حديث ترسبوت، مڠهاڤل سجوملة بسر دري متن حديث.

الحفيظ –ڬلاران اين دبري كڤد مريك يڠ مريواياتكن حديث دڠن سندڽ سنديري. مڠواسائي علمو "رواياه" دان "دراياه" دان جوملة حديث يڠ دكتهوئي اداله لبيه باڽق درڤد يڠ تيدق دكتهوئي.

الحجه –ڬلاران اين مميليكي مقصود يڠ سما دڠن "الحفظ" هاڽ علموڽ مليڤوتي كفد **300** ريبو حديث.

چونتوهڽ : امام سفيان، امام الداميري، امام التبراني.

الحكيم – اورڠ يڠ مڠتهوئي كبڽاكن داري حديث دان اڤ سهاج بڠ بركائيتن داري سڬي متن دان سند.

چونتوهڽ ايله امام ابو دأود، دان امام الترميزي.

أمير الموئمنين دالم حديث (الأمام) –ڬلاران ترتيڠڬي دكلاڠن ڤارا امام حديث ترماسوك " الحفظ"، الحجه"، دان "الحكيم"منجادي سومبار روجوكن اوتما كڤد امام-امام. برڤڠتاهوئن بڠ امة دالم مليڤوتي سموا باب بڠ بركائيتن دڠن علمو حديث. چونتوهڽ: امام البخاري، امام المسلم، دان امام ابن حجر السقلني.

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

TOKOH ISLAM

ABU BAKAR ASH-SHIDDIQ

Abu Bakr Al-Siddiq ialah khalifah pertama orang Muslim dari tahun 632-634. Beliau pada awalnya digelar Abdul Kaabah (hamba Kaabah) tetapi selepas pengislamannya, beliau menukar namanya kepada Abdullah. Namun beliau selalu digelar Abu Bakar daripada perkataan Arab Bakar yang bermaksud unta muda) kerana beliau amat gemar membiak unta. Beliau amat terkenal dengan gelaran As-Siddiq (yang membenarkan). Nama sebenar beliau ialah Abdullah ibni Abi Qahafah. Beliau mendapat gelaran As-Siddiq kerana sentiasa membenarkan setiap perkataan dan tindakan Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam. Peristiwa yang membawa kepada gelaran ini ialah apabila berlakunya peristiwa Isra dan Mi'raj yang telah dialami oleh Baginda Rasulullah. Apabila orang ramai mengatakan baginda berdusta, malah ada dikalangan sahabat yang ragu-ragu tentang peristiwa tersebut, Saidina Abu Bakar menjadi orang pertama membenarkan dan mempercayai peristiwa tersebut dengan penuh keyakinan tanpa ragu-ragu. Saidina Abu Bakar As-Siddiq merupakan sahabat Nabi Muhammad s.a.w. yang paling rapat sekali dan jurai salasilahnya adalah termasuk dalam Bani Taim iaitu sub keturunan dari Arab Quraisy. Semasa Nabi Muhammad s.a.w. berhijrah dari Makkah ke Madinah pada tahun 622, hanya beliau seorang yang mengikuti Rasulullah s.a.w. tanpa ditemani oleh orang lain. Rasulullah s.a.w. mengahwini anak perempuan beliau iaitu Saidatina Aishah tidak lama selepas penghijrahan ke Madinah berlaku. Pernah menjadi kaya, dia juga dikenangi kerana jasanya membebaskan beberapa hamba yang beragama Islam daripada tuan mereka yang kafir termasuklah Bilal Bin Rabah. Beliau juga merupakan salah seorang Muslim yang pertama sekali memeluk Islam. Beliau seorang yang jujur, berbudi pekerti, adil, tegas dan memiliki sifat yang terpuji. Dilahirkan 2 tahun selepas kelahiran Rasulullah S.A.W. Semasa Rasulullah s.a.w. sedang sakit tenat, baginda mengarahkan supaya Saidina Abu Bakar mengimamkan solat orang Islam. Selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w., sebuah majlis iaitu majlis Syura', yang dihadiri oleh golongan Ansar dan Muhajirin ditubuhkan untuk melantik seorang khalifah bagi memimpin umat Islam. Hasil daripada perjumpaan itu, Saidina Abu Bakar dilantik dan menjadi khalifah pertama umat Islam. Perlantikan Saidina Abu Bakar mendapat tentangan daripada beberapa orang yang ingin melantik Saidina Ali Abi Talib sebagai khalifah kerana Saidina Ali merupakan menantu dan sepupu Rasulullah s.a.w. Golongan Syiah yang merupakan golongan daripada keluarga Bani Hashim menentang perlantikan Saidina Abu Bakar.Tentangan itu tamat selepas Saidina Ali Abi Talib membaihkan Saidina Abu Bakar. Ada pendapat mengatakan bahawa Saidina Ali Abi Talib hanya membaihkan Saidina Abu Bakar selepas enam bulan. Jalaluddin al-Suyuti dalam karyanya al-Khulafa al-Rashidun menyatakan bahawa semasa perjumpaan Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar orang Islam Ansar di rumah Sa'd ibn Ubadah selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w, Sayidina Abu Bakar pada mulanya mencadang dua calon sebagai Khalifah, yakni Sayidina Umar dan seorang Sahabat lain, Abu Ubaidah Ibni Al-Jarrah. Perbincangan menjadi hangat sehinggalah Sayidina Umar menyuruh Sayidina Abu Bakar menghulurkan tangannya lalu Sayidina Umar mengambil tangan Sayidina Abu Bakar dan memberi bai'ah kepadanya. Tindakan Sayidina Umar diikuti Muhajirin dan Ansar. Selepas mendapat bai'ah, Sayidina Abu Bakar mencari az-Zubair dan Sayidina Ali yang tiada di pertemuan itu. Kedua-dua mereka dipanggil dan memberi bai'ah kepada Sayidina Abu Bakar apabila mereka tiba. Masalah mula timbul apabila Saidina Abu Bakar dilantik menjadi khalifah. Masalah ini mengugat kestabilan dan keamanan kerajaan Islam. Banyak puak-puak Arab memberontak dan menentang khalifah. Sesetengah daripada mereka enggan membayar zakat manakala ada pula yang kembali kepada menyembah berhala dan mengikut tradisi lama mereka. Puak-puak ini mendakwa bahawa mereka hanya menurut perintah Rasulullah s.a.w. dan memandangkan Rasulullah s.a.w. telah wafat maka mereka tidak perlu lagi mengikut ajaran Islam dan mereka telah bebas. Saidina Abu Bakar menegaskan bahawa mereka bukan sahaja menyatakan taat sembah kepada seorang pemimpin malah mereka kini tergolong dalam golongan Muslim. Ada di antara mereka mendakwa bahawa mereka ialah nabi dan rasul. Bagi menumpaskan penghinaan dan perbuatan murtad ini maka Saidina Abu Bakar melancarkan perang terhadap golongan yang digelar golongan Riddah. Hal ini merupakan permulaan siri Peperangan Islam-Riddah. Antara orang yang mengaku menjadi nabi ialah Musailamah al-Kazzab. Namun Khalid Al-Walid telah berjaya menumpaskan Musailimah dalam pertempuran.Selepas berjaya mengurangkan golongan riddah, Saidina Abu Bakar menghantar panglima-panglima perang Islam ke utara untuk memerangi Byzantine (Rom Timur) dan Empayar Parsi. Khalid Al-Walid berjaya menawan Iraq dalam hanya satu kempen ketenteraan. Beliau juga menempuh kejayaan dalam beberapa ekspedisi ke Syria. Menurut seorang orientalis Barat, kempen Saidina Abu Bakar hanyalah sebuah lanjutan daripada Perang Riddah. Hal ini jelas salah memandangkan kebanyakan golongan riddah terletak di selatan Semenanjung Arab dan bukannya di utara. Menurut ahli sejarah Islam, selepas siri Peperangan Islam-Riddah ramai orang yang mahir menghafaz al-Quran terbunuh. Saidina Umar Al-Khatab (khalifah yang berikutnya) meminta Saidina Abu Bakar untuk mula menjalankan aktviti pengumpulan semula ayat-ayat Al-Quran. Saidina 'Utsman 'Affan kemudiannya melengkapkan aktiviti pengumpulan dengan membukukan al-Quran, iaitu mushaf Uthmani, semasa beliau menjadi khalifah. Saidina Abu Bakar wafat pada 23 Ogos 634 di Madinah iaitu dua tahun selepas menjadi khalifah. Ada dua pendapat mengenai sebab kematian Saidina Abu Bakar. Ada yang mengatakan disebabkan keracunan dan ada pula yang mengatakan Saidina Abu Bakar meninggal dunia secara biasa. Sebelum kewafatannya, Saidina Abu Bakar mengesa masyarakat menerima Saidina Umar Al-Khatab sebagai khalifah yang baru. Saidina Abu Bakar dikebumikan di sebelah makam Nabi Muhammad s.a.w. di Masjid an-Nabawi yang terletak di Madinah. Saidina Abu Bakar walaupun hanya memerintah selama dua tahun (632-634), tetapi beliau banyak menyumbang terhadap perkembangan Islam. Beliau berjaya menumpaskan golongan Riddah yang ada diantaranya murtad, tidak mahu membayar zakat dan ada diantaranya mengaku sebagai nabi. Beliau juga mula mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dan beliau juga berjaya meluaskan pengaruh Islam.

PERISTIWA BERSEJARAH DI BULAN DZULHIJJAH

1. **Penyembelihan Nabi Ismail 'Alaihis-Salam**
   Nabi Ibrahim `Alaihissalam yang mendapat gelaran Rasul Ulul-A'zmi sekali lagi membuktikan kepatuhannya terhadap perintah Allah untuk menyembelih anaknya, Nabi Ismai. Nabi Ismail juga dengan penuh ketaatan bersedia untuk disembelih oleh ayahnya tanpa ada bantahan. Menyembelih korban sebagai lambang kepatuhan dua beranak ini telah diabadikan menjadi Syi'ar Islam. Ummat Islam disunnatkan untuk berkorban menyembelih sama ada unta, lembu atau kambing pada 10, 11, 12 atau 13 Zulhijjah.

2. **Bai'atul-'Aqabah**
   Pada tahun ke 13 selepas perlantikan Baginda Shalallahu`Alaihi Wassalam menjadi Nabi, berlakulah peristiwa 'Baiatul Aqabah' (perjanjian setia Aqabah), ianya disertai oleh 73 orang lelaki dan 2 orang perempuan dari kaum Aus dan Khazraj. Mereka telah berjanji akan terus setia mempertahan, menolong dan menyebarkan ajaran Rasulullah Shallallhu`Alaihi Wassalam kepada penduduk Yatsrib (Madhinah). Sebenarnya Baiatul Aqabah adalah pembuka kunci kepada penghijrahan Nabi Shalallahu`Alaihi Wassalam ke Madhinah. Nabi sudah menyediakan pendokong-pendokongnya terlebih dahulu di Madhinah sebelum berhijrah. Maha suci Allah yang telah mengatur dan menolong kekasihnya.

3. **Hajjatul-Wida' (Haji Selamat Tinggal)**
   Rasulullah Shallallhu`Alaihi Wassalam hanya sempat mengerjakan haji sebanyak sekali sahaja seumur hidupnya. Pada tahun kesepuluh Hijrah, Baginda mengerjakan 'Ibadah Haji yang dikenali dengan Hajjatul-Wida'. Pada peristiwa Hajjatul-Wida' itu, Baginda Shallallahu`Alaihi Wassalam menyampaikan khutbah terakhirnya Khuthbatul-Wida' yang mana amanat-amanatnya yang kesemuanya adalah intipati peraturan dan aturcara kehidupan di dalam Islam.

4. **Saidina 'Umar wafat dan Saidina 'Utsman dilantik menjadi Khalifah**
   Amirul-Mukminin Saidina 'Umar bin Al-Khattab meninggal dunia dibunuh oleh Abu Lukluah Al-Majusi. Dengan itu urusan kepimpinan negara bertukar kepada Saidina 'Utsman Radhiyallahu`Anhu. Perlantikan Saidina 'Utsman bin 'Affan sebagai khalifah yang dipilih sebulat suara oleh sebuah majlis mesyuarat Syura yang telah ditubuhkan oleh Saidina 'Umar bin Al-Khattab sebelum kewafatannya